



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESAN LAKARAN VISUAL 2D DAN 3D TERHADAP PENGUASAAN
BAHASA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK***

ZALIKHA BINTI MAT SAAD

FBMK 2016 3



**KESAN LAKARAN VISUAL 2D DAN 3D TERHADAP PENGUASAAN
BAHASA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK**

Oleh

ZALIKHA BINTI MAT SAAD

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Mac 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**KESAN LAKARAN VISUAL 2D DAN 3D TERHADAP PENGUASAAN
BAHASA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK**

Oleh

ZALIKHA BINTI MAT SAAD

Mac 2016

Pengerusi : Prof Madya Normahdiah Binti Sheik Said, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini merupakan satu kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak dari sudut semantik. Penyelidikan ini bertunjangkan kepada tiga objektif utama. Objektif yang pertama adalah untuk mengenal pasti makna kata yang diujarkan oleh kanak-kanak apabila melihat lakaran visual 2D dan 3D. Objektif yang kedua adalah untuk menganalisis pembinaan konsep bagi makna kata yang diujarkan kanak-kanak. Seterusnya adalah untuk membandingkan kesan lakaran visual 2D dan 3D terhadap penguasaan bahasa bukan verbal kanak-kanak. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis data yang diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan kajian lapangan yang melibatkan teknik pemerhatian, teknik rakaman dan teknik temu bual. Kajian ini diperkukuhkan dengan bantuan pendekatan Teori Kognitif dan Teori Emosi. Berdasarkan dapatan kajian, hipotesis yang dinyatakan adalah sangat tepat. Hasil kajian mendapati bahawa kad gambar visual 2D dan 3D dapat membantu kanak-kanak memberikan makna terhadap sesuatu kata dan mendapati kanak-kanak lebih mudah menguasai makna bagi kata konkrit. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa visual 3D lebih menonjol dalam membantu kanak-kanak dari sudut penguasaan bahasa bukan verbal. Kajian yang dilakukan ini dapat memberi maklumat tentang kepentingan salah satu unsur multimedia iaitu lakaran 2D dan 3D terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak khususnya dalam bidang semantik.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**VISUAL EFFECTS OF 2D AND 3D SKETCHES TO LANGUAGE
PROFICIENCY AMONG CHILDREN**

By

ZALIKHA BINTI MAT SAAD

March 2016

Chairman : Assoc. Prof Normahdiah Binti Sheik Said, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study aimed to find out about children's language acquisition in terms of semantics. This study has three main objectives. The first objective is to identify the meaning of words that are said by children against the visual of two dimensional (2D) illustration and three dimension (3D) illustration based on their understanding. The second objective is to analyze the construction of the concept of the meaning of words that are said by children. This study therefore aimed to compare the effects of visual 2D and 3D illustration to non-verbal language of children. This study used a qualitative methods to analyze data obtained through literature and field studies involving observation, recording and interview techniques. Data were analyzed using Cognitive Theory and Emotion Theory. Based on the findings, the hypothesis is very accurate. Results have shown that 2D and 3D illustration can help children to give meaning to a word. They also could more easily build a concrete word that can be referred to and with meaning. In addition, this study also found that 3D illustration are more prominent in terms of non-verbal language. This study was conducted to provide information on the importance of one of the multimedia elements of 2D and 3D illustration on children's language acquisition, especially in the field of semantics.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, tesis ini dapat disiapkan untuk menyempurnakan Ijazah Master di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada Prof Madya Dr. Normahdiah Binti Sheik Said selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa tidak jemu memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan sepanjang penulisan tesis. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Prof Madya Dr Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah selaku Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa memberikan tunjuk ajar dan panduan sepanjang proses penulisan tesis ini.

Selautan kasih buat ayahanda, Encik Mat Saad bin Hashim dan ibunda tercinta, Puan Khadijah Binti Din untuk segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga. Juga tidak dilupakan kepada suami tersayang, Encik Noramin Bin Zainal atas segala pengorbanan yang dicurahkan.

Tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak memberikan ilmu. Buat rakan seperjuangan, terima kasih juga diucapkan kerana kalian menjadi penguat semangat sepanjang penulisan tesis ini. Penghargaan turut diberikan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga Allah membalas jasa kalian.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 18 Mac 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zalikha binti Mat Saad bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kesan Lakaran Visual 2D dan 3D terhadap Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Kanak-Kanak” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Puteri Roslina Abdul Wahid, PhD

Profesor Madya
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Normahdiah Binti Sheik Said, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/*fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Zalikhah Binti Mat Saad, GS32647

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa :

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Normahdiah Binti Sheik Said

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pernyataan masalah	1
1.3 Hipotesis kajian	3
1.4 Persoalan kajian	3
1.5 Objektif kajian	3
1.6 Kepentingan Kajian	3
1.7 Batasan Kajian	4
1.8 Definisi Operasional	5
1.8.1 Visual	5
1.8.2 2 Dimensi	5
1.8.3 3 Dimensi	6
1.8.4 Makna kata	7
1.9 Rumusan bab 1	8
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Teori-teori pemerolehan bahasa kanak-kanak	9
2.3 Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak	10
2.3.1 Kajian Jean Piaget	10
2.3.2 Kajian Lennerberg	12
2.4 Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan multimedia dan kanak-kanak	15
2.5 Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bahasa bukan verbal	16
2.6 Perkaitan antara sorotan kajian dengan kajian	17
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	18
3.2 Reka bentuk kajian	19
3.3 Kerangka teori	18

3.3.1	Teori Kognitif	19
3.3.2	Teori Emosi	22
3.4	Kerangka konseptual	27
3.5	Batasan kajian	28
3.6	Kaedah kajian	28
3.6.1	Pemerhatian awal	28
3.6.2	Temu bual	28
3.7	Lokasi kajian	29
3.8	Sampel kajian	29
3.9	Alat kajian	29
3.9.1	Rakaman	29
3.9.2	Kad gambar	30
3.10	Tatacara kajian	30
3.10.1	Kajian rintis	31
3.10.2	Kajian sebenar	31
3.11	Penganalisan data	32
4	DAPATAN DAN ANALISIS DAPATAN	
4.1	Pengenalan	33
4.2	Makna kata dalam lakaran visual 2D dan 3D	33
4.2.1	Makna kata kategori benda	34
4.2.2	Makna kata kategori makanan	37
4.2.3	Makna kata kategori binatang	40
4.3	Pembinaan konsep makna kata lakaran visual 2D dan 3D	43
4.3.1	Konsep konkrit	45
4.3.2	Konsep abstrak	50
4.4	Perbandingan kesan lakaran visual 2D dan 3D	53
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	84
5.2	Kesimpulan	84
5.3	Implikasi kajian	86
5.4	Cadangan	86
5.5	Penutup	87
	BIBLIOGRAFI	88
	LAMPIRAN	93
	BIODATA PELAJAR	95
	PENERBITAN	96

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Kerangka konseptual	27
4.1	Hasil temu bual mengenai bola	34
4.2	Hasil temu bual mengenai buku	35
4.3	Hasil temu bual mengenai pensil	36
4.4	Hasil temu bual mengenai buah durian	37
4.5	Hasil temu bual mengenai buah epal	38
4.6	Hasil temu bual mengenai buah pisang	39
4.7	Hasil temu bual mengenai harimau	40
4.8	Hasil temu bual mengenai kancil	41
4.9	Hasil temu bual mengenai semut	42
4.10	Jumlah bilangan responden mengikut jenis reaksiemosi semasa melihat kad gambar bervisual 2D	54
4.11	Jumlah bilangan responden mengikut jenis reaksi emosi semasa melihat kad gambar bervisual 3D	55
4.12	Jumlah bilangan responden mengikut lakaran visual yang lebih Diminati	83

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Jenis-jenis bahan 2D	6
1.2	Jenis-jenis bahan 3D	7
1.3	Jenis-jenis makna	8
3.1	Gambaran penguasaan bahasa Teori Jean Piaget	21
3.2	Empat perkara penting dalam otak kanak-kanak ketika menguasai bahasa	22
3.3	Proses penghasilan rangsangan yang menghasilkan reaksi emosi	23
4.1	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar bola bervisual 2D dan 3D	56
4.2	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar bola bervisual 2D dan 3D	57
4.3	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar bola bervisual 2D dan 3D	57
4.4	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar bola bervisual 2D dan 3D	57
4.5	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar buku bervisual 2D dan 3D	58
4.6	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar buku bervisual 2D dan 3D	59
4.7	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar buku bervisual 2D dan 3D	60
4.8	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar buku bervisual 2D dan 3D	61
4.9	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar pensil bervisual 2D dan 3D	62
4.10	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar pensil bervisual 2D dan 3D	63
4.11	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar pensil bervisual 2D dan 3D	63

4.12	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar pensil bervisual 2D dan 3D	64
4.13	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar durian bervisual 2D dan 3D	65
4.14	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar durian bervisual 2D dan 3D	65
4.15	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar durian bervisual 2D dan 3D	66
4.16	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar durian bervisual 2D dan 3D	67
4.17	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar epal bervisual 2D dan 3D	68
4.18	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar epal bervisual 2D dan 3D	69
4.19	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar epal bervisual 2D dan 3D	69
4.20	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar epal bervisual 2D dan 3D	70
4.21	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar pisang bervisual 2D dan 3D	71
4.22	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar pisang bervisual 2D dan 3D	72
4.23	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar pisang bervisual 2D dan 3D	73
4.24	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar pisang bervisual 2D dan 3D	73
4.25	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar harimau bervisual 2D dan 3D	74
4.26	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar harimau bervisual 2D dan 3D	75
4.27	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar harimau bervisual 2D dan 3D	75
4.28	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar harimau bervisual 2D dan 3D	7

4.29	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar kancil bervisual 2D dan 3D	77
4.30	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar kancil bervisual 2D dan 3D	78
4.31	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar kancil bervisual 2D dan 3D	78
4.32	Ekspresi tingkah laku responden semasa melihat kad gambar kancil bervisual 2D dan 3D	79
4.33	Ekspresi mata responden semasa melihat kad gambar semut bervisual 2D dan 3D	80
4.34	Ekspresi wajah responden semasa melihat kad gambar semut bervisual 2D dan 3D	81
4.35	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar semut bervisual 2D dan 3D	81
4.36	Ekspresi vokal responden semasa melihat kad gambar semut bervisual 2D dan 3D	82

SENARAI SINGKATAN

2D	Dua Dimensi
3D	Tiga Dimensi
TE	Teori Emosi
LAD	Language Acquisition Device



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Surat kebenaran menjalankan kajian dari fakulti	93
B	Surat kebenaran menjalankan kajian dari Kementerian Pendidikan Malaysia	94



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian yang bertajuk 'Kesan Lakaran Visual Dua Dimensi (2D) dan Tiga Dimensi (3D) Terhadap Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Kanak-kanak' ini merupakan satu kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui tentang penguasaan bahasa kanak-kanak dari sudut verbal dan bukan verbal. Dari sudut verbal, aspek yang dikaji ialah makna kata manakala dari sudut bukan verbal, aspek yang dikaji ialah ekspresi emosi.

Kajian pemerolehan bahasa merupakan satu bidang dalam ilmu bahasa yang melihat bagaimana manusia memperoleh pengetahuan tentang bahasa dalam aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik beserta dengan rumus-rumus yang menentukan kemampuan seseorang itu untuk berbahasa. Proses pemerolehan bahasa bermula semasa kanak-kanak masih tidak mempunyai pengetahuan bahasa sehinggalah pengetahuan mereka semakin meningkat mengikut kesesuaian tahap umur mereka.

Penguasaan bahasa dalam kalangan manusia merupakan satu contoh interaksi kematangan dalam pembelajaran. Sekiranya alat penangkapan, alat pertuturan dan bahagian otak yang terlibat dengan perlambangan dan pertuturan belum lagi matang maka kanak-kanak itu tidak akan berbahasa. Menurut Atan Long (1970), kebolehan berbahasa membawa maksud penggunaan lambang suara sebagai mewakili konsep tertentu atau mempunyai makna yang diterima oleh masyarakat dan hanya terdapat pada manusia sahaja.

Brooks dan Brooks (1993) menyatakan bahawa kanak-kanak membina makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baru kepada apa yang mereka telah faham sebelum ini. Mereka membentuk peraturan melalui refleksi, kesan daripada interaksi mereka dengan objek dan idea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang bermakna kepada mereka, maka mereka akan menginterpretasikan apa yang mereka lihat supaya sepadan dengan peraturan yang telah mereka bentuk. Oleh itu, kanak-kanak perlulah dirangsang dengan aktiviti yang dirancang rapi dan tersusun supaya penguasaan bahasa dan tindak balas semula jadi yang dimiliki oleh kanak-kanak selari dengan peningkatan umur mereka.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan lompang kajian daripada kajian yang lepas didapati bahawa masih kurang kajian yang mengkaji tentang aspek semantik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak khususnya dalam aspek makna kata. Kebanyakannya, mengkaji aspek sintaksis, morfologi, gramatikal dan faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sahaja. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan subjek kajian, iaitu kanak-kanak prasekolah telah banyak dijalankan. Ramai pengkaji

yang berminat mengkaji aspek bahasa kanak-kanak prasekolah namun bukan daripada aspek pemerolehan makna kata.

Kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan bahasa dan kanak-kanak adalah seperti berikut:

- i. Kajian Jean Piaget (1960) yang telah menyenaraikan tahap-tahap perkembangan kognitif kanak-kanak.
- ii. Kajian Lennerberg (1966) pula berhubung dengan penyelidikan tahap-tahap perkembangan kognitif kanak-kanak.
- iii. Kajian Abdul Halim Ibrahim (1997) berjudul 'Pemerolehan bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah, Aspek-aspek Sintaksis dan Semantik' menyentuh tentang penggunaan kata nama dalam kalangan kanak-kanak.
- iv. Kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah (1997) pula berkaitan dengan penguasaan bahasa kanak-kanak dalam kajian yang bertajuk 'Pemerolehan Bahasa Pertama- Aspek Sintaksis dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah.
- v. Kajian Vijayaletchumy (2000) pula menyentuh tentang pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu.

Selain itu, berdasarkan lompong kajian daripada kajian yang lepas juga didapati bahawa masih belum banyak lagi pengkajian yang berkaitan dengan visual 2D dan 3D. Namun, sudah terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan multimedia yang lain contohnya dengan menggunakan video. Multimedia boleh bertindak sebagai perantara yang amat efektif dalam menyampaikan mesej kepada kanak-kanak. Melalui multimedia, maklumat yang disampaikan menjadi lebih menarik dan bermakna. Halimah dan Rosni (2000) menyatakan bahawa teknologi multimedia mampu melibatkan sebanyak mungkin pancaindera seperti deria penglihatan, pendengaran dan deria sentuhan lalu menghasilkan pembelajaran yang lebih menyeluruh. Kelainan fungsi medium-medium ini yang menjadikan multimedia sebagai agen yang efektif dalam membantu kanak-kanak dalam menguasai makna sesuatu perkara. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana visual 2D dan 3D yang merupakan salah satu daripada elemen multimedia dapat memberi implikasi kepada kanak-kanak dalam penguasaan bahasa verbal dan bukan verbal.

Selain itu, terdapat lompong kajian daripada kajian lepas berkenaan dengan bahasa bukan verbal kanak-kanak. Walaupun telah ada banyak kajian mengenai bahasa bukan verbal seperti kajian yang dijalankan oleh Puteri Roslina Abdul Wahid (1995) namun bukan yang melibatkan bahasa bukan verbal kanak-kanak apabila melihat lakaran visual 2D dan 3D. Bertitik tolak daripada kajian lepas juga, maka kajian tentang kesan lakaran visual 2D dan 3D terhadap kanak-kanak dalam pemberian makna kata dilakukan untuk menampung kekurangan kajian yang sedia ada dan menunjukkan kepelbagaian penggunaan bahasa Melayu.

1.3 Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan suatu pernyataan sementara tentang sesuatu kebolehpercayaan. Oleh itu, membina hipotesis dalam sesuatu kajian sangat perlu bagi setiap pengkaji. Pembentukan hipotesis dapat membantu dalam mengenal pasti prosedur dan metodologi kajian. Hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Penggunaan media seperti kad gambar 2D dan 3D dapat memberi kesan terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak.
- ii. Terdapat perbezaan di antara lakaran visual 2D dan 3D terhadap penguasaan bahasa verbal dan bukan verbal dalam kalangan kanak-kanak.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah makna kata yang diujarkan oleh kanak-kanak apabila melihat visual dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D) ?
- ii. Apakah jenis konsep makna kata yang timbul hasil daripada pemahaman terhadap lakaran visual dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D) ?
- iii. Adakah terdapat perbezaan kesan di antara lakaran visual dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D) terhadap kanak-kanak.

1.5 Objektif Kajian

Penyelidikan ini bertunjangkan kepada tiga objektif utama.

- i. Mengetahui makna kata yang diujarkan oleh kanak-kanak apabila melihat visual dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D).
- ii. Menganalisis pembinaan konsep bagi makna kata yang diujarkan kanak-kanak terhadap lakaran visual dua dimensi (2D) dan tiga dimensi (3D).
- iii. Membandingkan kesan lakaran visual 2D dan 3D terhadap penguasaan bahasa bukan verbal kanak-kanak.

1.6 Kepentingan Kajian

Memandangkan belum banyak kajian yang dijalankan terhadap kesan lakaran visual 2D dan 3D terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak terutamanya dalam memberi makna sesuatu kata, maka kajian ini secara tidak langsung mempunyai kepentingan yang tersendiri, iaitu dapat membantu mencari alternatif baru ke arah pembentukan bahasa Melayu yang baik terhadap kanak-kanak.

Faktor yang mempengaruhi perkembangan dan tingkah laku kanak-kanak itu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu faktor persekitaran luar dan faktor dalam diri kanak-kanak tersebut (Noor Yusma, 2006). Faktor dalam diri kanak-kanak termasuklah taraf kesihatan, pemakanan, pengamatan atau persepsinya terhadap dunia luar. Pengamatan terhadap diri sendiri bermaksud kanak-kanak itu sama ada akan berasa rendah diri atau sebaliknya, ciri serta bakat semula jadinya. Persekitaran luar pula merangkumi suasana

di mana kanak-kanak diasuh dan berkait rapat dengan faktor seperti taraf sosioekonomi, budaya, kelengkapan peralatan di rumah atau di sekolah dan media massa.

Kanak-kanak terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk menganalisis dan menyelesaikan sesuatu masalah dengan menggunakan daya pemikiran. Hal ini disebabkan oleh sifat dan amalan perkembangan otak mereka yang masih muda dan kurang pendedahan. Oleh itu, teknik pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak ini perlu lebih interaktif dan dipelbagaikan agar kanak-kanak ini mudah untuk mendapat dan memahami ilmu yang telah diajarkan kepada mereka.

Oleh itu, dengan penggunaan multimedia dalam kalangan kanak-kanak yang merupakan persekitaran luaran dapat mempengaruhi dan membantu perkembangan pembelajaran dan tingkah laku mereka. Siti Fadzilah Mat Noor dan Shereena Mohd Arif (2002) turut berpendapat bahawa peranan teknologi multimedia menjadikan pengajaran lebih menarik, efektif, aktif dan menyeronokkan kerana melibatkan hampir semua deria manusia. Selain itu, dengan penggunaan multimedia juga, kanak-kanak dapat didedahkan kepada pelbagai media sambil berinteraksi melalui teknologi multimedia dalam pelbagai bentuk seperti teks, animasi, bunyi dan gambar bergerak.

1.7 Batasan Kajian

Bidang kajian ini merupakan satu bidang yang begitu luas. Oleh itu, bagi memastikan kejayaan dalam kajian ini, maka kajian ini akan dibataskan kepada beberapa batasan. Kajian ini hanya membataskan kepada 18 keping kad gambar, iaitu sembilan jenis gambar bervisual 2D dan sembilan keping lagi bervisual 3D. Gambar yang dipilih ialah buah, benda dan haiwan. Hal ini kerana, kanak-kanak pada peringkat umur ini sudah mengenali pelbagai jenis objek atau perkara yang berkaitan dan berdekatan dengan mereka. Keupayaan kanak-kanak memperoleh dan mengembangkan kosa kata ialah kebolehan semula jadi yang diperoleh daripada persekitaran serta pertumbuhan bahasanya. Perkara ini dipersetujui oleh Mc Carthy (1930) (dalam Salina Abdullah, 2012) yang mengatakan bahawa kosa kata kanak-kanak berkembang seandainya diberikan, diperlihatkan, dibayangkan atau disebutkan dengan benda-benda yang baharu dan berbagai-bagai pada setiap hari.

Melalui batasan ini, lakaran visual 2D dan 3D akan dilihat sama ada memberi kesan terhadap penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak ataupun tidak. Aspek bahasa verbal yang dikaji ialah aspek semantik. Pengamatan akan tertumpu kepada makna kata yang diujarkan oleh sampel kajian terhadap lakaran visual 2D dan 3D yang ditunjukkan kepada mereka. Bagaimana kanak-kanak memberi makna terhadap sesuatu kata itu akan dianalisis menggunakan Teori Kognitif dan untuk mengkategorikan jenis makna kata itu akan dianalisis melalui Teori Fitur Semantik. Bagi mengetahui perbandingan antara visual 2D dan 3D pula, aspek yang akan dilihat ialah aspek bahasa bukan verbal dan diperkuatkan lagi dengan Teori Emosi.

1.8 Definisi Operasional

Bagi menjelaskan lagi perbincangan berkaitan dengan kajian yang dijalankan, pengkaji mendefinisikan frasa-frasa yang berikut :

- i. Visual
- ii. Dua Dimensi (2D)
- iii. Tiga Dimensi (3D)
- iv. Makna kata

1.8.1 Visual

Media merupakan alat, benda atau perkakas yang dapat berfungsi sebagai pengantara di antara mesej dengan penerima mesej. Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), media ialah satu komponen dalam pembentukan pengajaran. Dengan menggunakan media seperti video dan visual, pengajaran boleh dirancang mengikut tahap kebolehan pelajar. Penggunaan visual dan bahan multimedia dalam proses pengajaran dapat meningkatkan tahap pemahaman pelajar. Ini dapat dibuktikan dalam kajian yang dilakukan oleh Ahmad Rizal Madar et al. (2008). Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang terlibat dalam proses pengajaran menggunakan bahan bantu mengajar menggunakan multimedia mengalami peningkatan dalam pencapaian dan pelajar tidak mempunyai masalah seperti hilang tumpuan semasa belajar.


Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007:1790), visual membawa maksud perihal yang berdasarkan penglihatan dan dapat dilihat. Visual merupakan alat komunikasi yang mampu menyampaikan mesej yang berkesan contohnya dengan penggunaan papan tanda di jalan raya. Keberkesanan penggunaan visual juga bergantung kepada kualiti yang ada pada visual tersebut.

Visual ialah gambar, imej dan grafik. Sesuatu visual yang tidak bergerak dan berbentuk paparan boleh memberi maksud yang pelbagai kerana sesuatu gambar boleh memberi seribu makna mengikut bidalan Inggeris 'a picture is worth a thousand words'. Terdapat pelbagai jenis bahan visual seperti gambar, kartun, model dan kebiasaannya bahan visual yang digunakan dicetak seperti dalam bentuk buku dan poster. Menurut Norasikin dan Zawawi (2005), visual berperanan besar dalam pendidikan, iaitu sebagai alat penerangan, alat pendorong dan pemberitahuan. Visual selalunya digunakan untuk menerangkan konsep, idea dan proses serta diguna untuk merangsang minat dan memberi maklumat. Dalam kajian ini, visual yang digunakan ialah kad gambar bervisual 2D dan 3D.

1.8.2 Dua dimensi (2D)

Menurut Abdul Rashid Abdul Rahman (2008), pemahaman murid terhadap sesuatu konsep atau idea mudah tercapai melalui pengalaman dengan melibatkan pelbagai deria. Hal ini bermakna, dengan mengaplikasikan bahan 2D dan 3D dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan dan kemahiran murid dapat dikembangkan


secara berterusan. Dua dimensi biasanya disingkatkan kepada 2D merupakan bentuk daripada objek yang memiliki panjang dan lebar. Istilah ini biasanya digunakan dalam pengajaran seni, animasi, komputer dan matematik. Bahan 2D ialah bahan-bahan visual yang dilukis, dicetak atau digambarfotokan di atas sekeping kertas atau permukaan rata seperti kain, kertas atau kaca. Antara papan paparan yang boleh digunakan ialah papan hitam, papan putih, papan pelbagai guna, papan magnetik dan 'flip charts'. Terdapat pelbagai jenis bahan 2D antaranya termasuklah lukisan, gambar foto, carta, poster dan kad imbasan. Bahan 2D bolehlah dirumuskan seperti berikut :



Rajah 1.1 : Jenis-jenis bahan 2D
 (Sumber: <http://www.slideshare.net/TanYin1/bahan-2-d-dan-3d>)

1.8.3 Tiga dimensi (3D)

Tiga dimensi pula biasanya disingkatkan kepada 3D atau disebut ruang merupakan bentuk daripada benda yang memiliki panjang, lebar, dan tinggi. Istilah ini biasanya digunakan dalam subjek seni, animasi, komputer dan matematik. Bahan 3D ialah bahan-bahan yang mempunyai bentuk serta menyerupai bahan yang sebenar. Bahan 3D ialah benda yang memiliki panjang, lebar, dan tinggi. Perbezaan antara 3D dan 2D ialah 3D dapat dilihat dari satu sisi lagi (Abdul Rashid Abdul Rahman, 2008). Antara bahan 3D ialah boneka, model, realia, spesimen, diorama, mobile, topeng, akuarium dan terarium. Jenis-jenis bahan 3D bolehlah dilihat pada rajah di bawah.



Rajah 1.2 : Jenis-jenis bahan 3D


(Sumber: <http://www.slideshare.net/TanYin1/bahan-2-d-dan-3d>)

1.8.4 Makna kata

Lyons (1968) berpendapat bahawa perkataan merupakan suatu 'tanda' yang mencakupi dua bahagian, iaitu bentuk dan makna. Misalnya kata *dua*, ada bentuk, iaitu d u a dan maknanya 'jumlah satu campur satu atau 1+1'. Kata beras pula, misalnya, ada bentuk beras dan maknanya 'padi yang sudah dikupas kulit dan sedia untuk dimasak'. Makna pada umumnya dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang utama, iaitu makna linguistik dan makna sosial (kultural). Makna linguistik pula dapat dikategorikan kepada dua kategori kecil lagi, iaitu makna leksikal (perkataan) dan makna struktural. Sementara itu, makna leksikal (perkataan) pula dapat dibahagikan kepada bahagian yang lebih kecil, iaitu :

- i. Makna denotatif (konseptual).
- ii. Makna konotatif.

Bahagian-bahagian makna itu dapat dirumuskan seperti dalam rajah di bawah.



Rajah 1.3 : Jenis-jenis makna

(Sumber: Dipetik daripada buku *Makna dalam Bahasa Melayu*, 2008:15)

Makna merupakan sesuatu yang bersifat subjektif kerana makna itu tidak tetap atau mengandungi beberapa pengertian dan dengan yang demikian ianya sentiasa berubah berdasarkan faktor-faktor seperti konteks, budaya, larangan dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengamatan hanya diberikan kepada jenis makna denotatif, iaitu makna konseptual. Makna konseptual ialah makna yang ditanggap dalam minda oleh seseorang pengucap atau pendengar. Umpamanya, apabila disebut kata sekolah, maka akan dibayangkan sebuah bangunan yang digunakan untuk tujuan pendidikan oleh murid-murid dan guru. Makna di sini ada kaitannya dengan kognitif. Di samping itu, makna konseptual seseorang itu mungkin akan berbeza daripada seorang kepada seorang yang lain. Makna perkataan tidak mudah untuk ditentukan. Untuk memahami makna perkataan, perlu dilihat penggunaannya dalam ayat. Selain itu, untuk mendapatkan makna yang sebenar, pengamatan, pengalaman dan rasa bahasa yang amat tinggi diperlukan (Darwis Harahap, 1994).

1.9 Rumusan

Kajian terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak terutamanya dari sudut semantik merupakan salah satu usaha untuk memperkayakan lagi kajian ilmiah terhadap bahasa Melayu. Bahasa merangkumi bentuk verbal mahupun bukan verbal sangat penting bukan sahaja dalam komunikasi dan interaksi, tetapi juga dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab penggunaan bahasa memerlukan kemahiran pembelajaran, maka ianya penting bagi masyarakat untuk memahami perkembangan bahasa kanak-kanak dalam beberapa peringkat perkembangan bahasa bersama dengan perkembangan fizikal, kognitif dan sosio-emosi kanak-kanak.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Ibrahim (1997). *Pemerolehan bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah, Aspek-Aspek Sintaksis dan Semantik*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rahman Shaleh (2008). *Psikologi Suatu Pengantar dalam Perspektif Islam*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Abdul Rashid Abdul Rahman (2008). *Pendekatan Tiga Dimensi Multimedia Bagi Meningkatkan Kemahiran Visualisasi Spatial Di Kalangan Pelajar Kognitif Rendah Dalam Tajuk Pelan Dan Dongakan*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Hassan (1980). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdul Rashid Ali (1992). Penguasaan Bahasa Kanak-kanak: Satu Pemerhatian Kes Awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, Oktober.
- Abdul Halim Ibrahim (1997). *Pemerolehan bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah, Aspek-Aspek Sintaksis dan Semantik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Rizal Madar et al. *Impact of Teaching and Learning Method with Multimedia Application Aided*. Paper presented at the 6th International Malaysian Studies Conference. 5-7 Ogos 2008.
- Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011). Pembentukan Emosi Kanak-kanak melalui Bahan Bacaan Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu* (22).
- Asmah Haji Omar (1993). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Asmah Haji Omar (1998). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1970). *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-kanak Melayu di dalam Darjah Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brooks, J. G., & Brooks, M. G (1993). *In search of understanding: The case for constructivist classrooms*. Alexandria, VA: Association of Supervision and Curriculum Development.
- Chomsky, N. (1972). *Studies on Semantics In Generative Grammar*. The Hague: Mouton.
- Darwis Harahap (1994). *Binaan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayang Tiawa Awang Hamid, (2006). *Reka Bentuk Dan Keberkesanan Perisian Multimedia Membaca Faham Berasaskan Gambaran Visual Bagi Kanak-Kanak Prasekolah*. Tesis Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia.

- Halimah B. Zaman dalam Rosni Adom (2000). *Pembangunan Perisian Multimedia Ekonomi Asas bagi Tajuk "Pengenalan kepada Ekonomi"*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halliday M.A.K (1975). *Learning How to Mean Exploration in the Development of Language*. London: Edward Arnold.
- Handerson, P. (2003). Building Strong Brands in Asia: Selecting the Visual Components of Image to Maximize Brand Strenght. *International Journal of Research in Marketing*, 20(4), 291-313.
- Hashim Musa (1980). Teori Innateness dan Konsep Asyadu: Penghuraian Bahasa dan Ilmu. *Jurnal Dewan Bahasa* (24:12).
- Ismail Md. Zain. (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Juriah Long (1993). *Pemerolehan Imbuhan Pada Peringkat Prasekolah & Implikasinya Terhadap Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim bin Abbas (2006). *Media Dalam Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Krashen & Torrell (1983). *The Natural Approach Language Acquisition in the Classroom*. Oxford: Pergamon Press.
- Lyons, J., (1968). *Introduction to Theoretical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, J., (1981). *Language and Linguistic An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak (1983). Pemerolehan Bahasa Melayu : Bahagian Semantik. *Dewan Bahasa* (27): 688-697.
- Mangantar Simanjuntak (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak (1990). Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak: Bahagian Pemerolehan Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*, hlm 693-703.

- Mazura Muhamad Ismail (2001). *Sastera Kanak-kanak Berunsurkan Humor: Tinjauan terhadap Kesan Emosi*. Latihan Ilmiah Ijazah Bachelor, Universiti Putra Malaysia.
- Mc Carthy (1930). *The Language Development of the Preschool Child*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Md Sidin Ahmad Ishak (2008). *Buku Kanak-kanak di Malaysia sebagai Warisan Hasil Seni*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohamad Daud Hamzah (1994). *Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Izwardi Mohd Yusoff (2011). *Implikasi Bahasa Visual dalam Permainan Bahasa*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Psikologi Kanak-kanak*. Pahang: PTS & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Sharani Ahmad & Mohamad Ibrani Shahrudin Adam Assin. 2003. Collaborative interactions among preschool children in a computer environment. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 11(2): 147-155.
- Mohd Subri Daud (2000). *Penganalisisan Pemerolehan Kata Kanak-kanak Berumur Empat Tahun*. Tesis sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Hasan Abdul Rahman (2000). *Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Hasan Abdul Rahman (2001). *Grafik Asas: Panduan Penghasilan Bahan Pengajaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nathesan, S. (2008). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Yusma Mohd Yusof Akbar. (2006). Perkembangan Otak dan Pemahaman Kanak-kanak. *Dewan Kosmik*. Mei 2006,48-49.
- Norasikin Fabil & Zawawi Ismail (2005). *Visualisasi Maklumat dalam Pendidikan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Normahdiah Syeik Said (2007), Kajian Eksperimental bagi Membina Model Reka Bentuk Multimedia yang Mengasyikkan (An Engaging Multimedia Design Model) NEMD MODEL- Norma Engagement Multimedia Design Model. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. Universiti Putra Malaysia.
- Nurul Azimah Binti Abdull Sedik (2011). *Ekspresi Emosi Kanak-kanak Melalui Bahan Bacaan Sastera*. Tesis Kedoktoran. Universiti Putra Malaysia, Selangor.

- Piaget, J. (1952). *The Origin of Intelligence in the Child*. New York. International University Press.
- Piaget J. (1973). *Language Acquisition & Cognitive Development*. New York: Academic Press.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (1995), Penggunaan Bahasa Verbal dan Bahasa Bukan Verbal oleh Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Dewan Bahasa*, Mei: 443-455.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (1998). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (1998). Pendekatan Teoritis dalam Kajian Pemerolehan Bahasa Kemarah. *Jurnal Rampak Serantau*. Hlm 128-137.
- Raja Masittah Raja Ariffin (2008), Mentafsir Melalui Bahasa Badan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember : 24-25.
- Salina Abdullah (2012). *Pemerolehan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Melalui Pembinaan Konsep*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Fadzilah Mat Noor dan Shereena Mohd Arif (2002). Pendekatan Multimedia dalam Perisian Kursus Kisah Teladan Wanita Islam. *Fakulti Teknologi & Sains Maklumat*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Slobin Dan Isaac (1991). *Ilmu Psikolinguistik*. Diterjemahkan oleh Tun Ibrahim. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syarifah Alawiyah AlSagoff (1986). *Ilmu Pendidikan : Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Tay Meng Guat (2000). Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak dari segi Sintaksis: Satu Analisis. *Jurnal Dewan Bahasa*, Februari: 228-241.
- Tay Meng Guat (2006) Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Dari Segi Sintaksis : Satu Analisis. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7: 87- 108.
- Vijayaletchumy Subramaniam (2000). *Pemerolehan Bahasa Dalam kalangan Kanak-kanak Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Vijayaletchumy, Noor Aina Dani, (Nov 2000). Pemerolehan Bahasa di Kalangan Kanak-Kanak Melayu: Kajian Psikolinguistik, dlm *Monograf*, Bil : 4 : Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Vygotsky, L.S. (1962). *Thought and Language*. Cambridge, M.A : Mit Press.
- Wiley, S.E. (1990a) An Hierarchy of Visual Learning. *Engineering Design Graphics Journal*.
- Yusuf Hashim (1998). *Teknologi Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Zaharah Kasim (1986). Komponen Makna. *Jurnal Dewan Bahasa*, April.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (1997). Pemerolehan Bahasa Pertama - Aspek Sintaksis di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah. Latihan Ijazah Bachelor, Universiti Putra Malaysia.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006). *Memahami pertuturan kanak-kanak melalui analisis pragmatik*. Tesis Kedoktoran, Universiti Putra Malaysia.

Zamri Mohamad (2008), Bahasa badan, Bahasa hati. *Jurnal Dewan Bahasa*, Disember: 12-14.

